



BAHAGIAN ADAB & AKHLAK ISLAMIYYAH
TAJUK 23 : ADAB MENERIMA DAN MELAYAN TETAMU

1 (a) Tulis (Y) pada "Adab Melayan Tetamu" dan (Z) pada "Adab Sebagai Tetamu" bagi pernyataan di bawah.

- (i) Kewajipan dilakukan kerana dikunjungi selama 3 hari.
- (ii) Tidak perlu menutup aurat sekiranya tetamu merupakan golongan mahram dengan tuan rumah.
- (iii) Elakkan daripada berkunjung pada waktu makan.
- (iv) Ucapkan salam sebelum pulang.

(4 markah)

(b) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

| Berehat | Berkunjung | Kerjasama | Memaklumkan | Menjemput |
|---------|------------|-----------|-------------|-----------|
|---------|------------|-----------|-------------|-----------|

- (i) Tetamu ialah orang yang menziarahi atau _____ ke rumah orang lain sama ada dijemput atau tidak.
- (ii) _____ kepada tetamu sekiranya ingin meninggalkan rumah kerana ada tugas luar.
- (iii) Elakkan berkunjung pada waktu makan atau ketika tuan rumah sedang _____
- (iv) Kita hendaklah _____ tetamu makan dan tuan rumah digalakkan makan bersama-sama tetamu.

(4 markah)

(c) Jelaskan **dua** tindakan yang sepatutnya dilakukan semasa menjadi tetamu.

1.
2.

(4 markah)

(d) Terangkan **dua** kelebihan melayan tetamu.



1.
.....
2.
.....

(4 markah)

- (e) Jelaskan kesan sekiranya tidak beradab dengan tetamu.

.....
.....

(4 markah)

- (f) Azmil telah bercadang untuk berkunjung ke rumah Jonathan. Sebelum meninggalkan rumah, dia memaklumkan kepada bapanya tentang tujuannya itu. Ayahnya menasihati supaya menjaga adab-adab sebagai tetamu.

Pada pandangan anda, mengapakah Azmil perlu mematuhi nasihat ayahnya?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

- (g) Dalam satu tazkirah yang disampaikan oleh Ustaz Shafie, beliau menerangkan bahawa kita perlu memberi layanan yang baik kepada yang hadir sama ada Islam atau sebaliknya. Sebagai umat Islam, bagaimanakah gambaran layanan yang diberikan oleh anda kepada tetamu bukan Islam?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

TAJUK 24 : ADAB MENJALANKAN TUGAS

1 (a) Tulis (Y) pada "Sikap Positif" dan (Z) pada "Berkerja Sikap Negatif" bagi pernyataan di bawah.

- (i) Ikhlas dalam melakukan pekerjaan.
- (ii) Lalai dan malas ketika bekerja.
- (iii) Bersikap amanah dalam melaksanakan tugas.
- (iv) Menganggap kerja sebagai satu ibadah.


(4 markah)

(b) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

| | | | | |
|-------|---------|-------------|------------|-------|
| Patuh | Gembira | Kepercayaan | Keberkatan | Tekun |
|-------|---------|-------------|------------|-------|

- (i) Kita hendaklah berlapang dada dan _____ melakukan kerja.
- (ii) Salah satu faedah beradab ketika bertugas ialah mendapat _____.
- (iii) Pekerja yang baik akan melaksanakan kerja dengan _____ dan bertanggungjawab.
- (iv) Orang yang ikhlas bekerja akan mendapat _____ orang ramai.

(4 markah)



Murid sedang menjalankan tugas membersihkan kelas di waktu pagi.

(c) Sebagai seorang pelajar, jelaskan **dua** cara untuk menjadikan slogan yang ditulis di dinding sekolah di atas sebagai panduan ketika menjalankan tugas.

1.
2.



.....

(4 markah)

(d) Terangkan **dua** adab ketika menjalankan tugas.

1.

.....

2.

.....

(4 markah)

(e) Aiman dilantik sebagai pengerusi Kelab Kembara di sekolah. Dalam ucapannya dia berjanji akan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab. Pada pandangan anda apakah kelebihan yang akan diperoleh sekiranya dia menepati janjinya?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)



(f) Berdasarkan gambar di atas, rakan anda Aina, sering tidur ketika bekerja kerana menonton televisyen sehingga lewat malam. Apakah nasihat yang boleh anda berikan kepada rakan anda agar dia dapat membuang sikap negatifnya itu?

.....
.....
.....
.....



.....
.....

(4 markah)

TAJUK 25 : ADAB BERCAKAP DALAM MAJLIS

1 (a) Tulis (Y) pada ciri "Majlis Yang Baik" dan (Z) pada ciri "Majlis Yang Buruk" bagi pernyataan di bawah.

- (i) Majlis yang memberi ingatan kepada pesertanya mengingati Allah SWT dan menepati syarak.
- (ii) Majlis yang melalaikan daripada mengingati Allah SWT dan berlaku perkara yang bertentangan dengan syarak.
- (iii) Majlis yang dapat menyelesaikan sesuatu masalah dan mendapat sokongan ramai.
- (iv) Majlis yang melekakan dan tidak membataskan pergaulan antara satu sama lain.

(4 markah)

(b) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

| | | | | |
|------------|------------|--------|-----------|-------------|
| Keberkatan | Percakapan | Faedah | Mesyuarat | Kepercayaan |
|------------|------------|--------|-----------|-------------|

- (i) Cara _____ yang lemah lembut dan sopan santun melambangkan keperibadian yang luhur.
- (ii) Majlis ilmu, majlis perkahwinan dan majlis _____ dianggap majlis yang baik selagi tidak bercanggah dengan hukum syarak.
- (iii) Antara _____ beradab semasa bercakap dalam majlis ialah mendapat maklumat yang jelas dan tersusun.
- (iv) Kelebihan orang yang bercakap benar ialah mendapat _____ dalam masyarakat.

(4 markah)

(c) Anda dikehendaki berucap dalam satu majlis di sekolah. Nyatakan **dua** adab berucap yang patut anda lakukan.

- 1.
- 2.



(2 markah)

(d) Jelaskan **dua** kelebihan bercakap benar.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

”... dan katakanlah kepada hamba-hamba-Ku, hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang lebih baik”.
(Surah al-Isra’:53)

(e) Berdasarkan maksud potongan ayat di atas, Islam amat menitikberatkan adab-adab bercakap dalam majlis agar mendapat keberkatan Allah SWT.

Huraikan hujah anda terhadap apa yang akan berlaku sekiranya seseorang itu tidak beramal dengan tuntutan ayat di atas.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)



TAJUK 26 : ADAB TERHADAP IBU BAPA

1 (a) Tulis (Y) pada ” Adab Percakapan” dan (Z) pada ”Adab Pergaulan Terhadap Ibu Bapa” bagi pernyataan di bawah.

- (i) Memberi hormat semasa bertemu dengan mereka.
- (ii) Jangan melunjurkan kaki ke arah mereka ketika duduk .
- (iii) Menunjukkan muka yang manis.
- (iv) Menumpukan perhatian ketika bercakap.

(4 markah)

(b) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

| | | | | |
|-------|-----------|-------------|-------|--------------|
| Sunat | Kesusahan | Menghormati | Haram | Lemah lembut |
|-------|-----------|-------------|-------|--------------|

- (i) Hukum menderhaka kepada ibu bapa adalah _____ dan berdosa besar.
- (ii) Tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapa adalah _____ mereka setiap masa.
- (iii) Kita hendaklah bercakap dengan suara yang _____ dan sopan terhadap kedua-dua ibu bapa.
- (iv) Anak yang menderhaka kepada ibu bapa sering mendapat _____ hidup di dunia.

(4 markah)

(c) Bapa anda sedang sakit di hospital. Jelaskan **dua** cara anda berbakti kepadanya.

- 1.
- 2.

(4 markah)

(d) Ibu Atikah baru saja meninggal dunia kerana penyakit yang dihidapinya. Anda turut simpati dengan situasi Atikah. Sebagai rakan baiknya, jelaskan nasihat yang perlu anda berikan supaya Atikah boleh terus berbakti kepada ibunya walaupun sudah meninggal dunia.



.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

(e) Jelaskan **dua** kesan berbakti kepada ibu bapa.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

Maksud hadis Rasulullah SAW:
Daripada Abdullah bin Amru daripada Nabi Muhammad SAW bersabda: "Keredaan Allah terletak pada keredaan ibu bapa kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibu bapa".

(f) Berdasarkan maksud hadis di atas, apakah yang akan berlaku sekiranya anda gagal beramal dengan tuntutan hadis di atas?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

Asiah adalah anak seorang petani. Berkat doa ibu bapanya dan usahanya beliau Berjaya menjadi seorang arkitek yang terkenal. Walau bagaimanapun, kejayaan yang diperoleh menjadikannya anak yang derhaka dan mengabaikan tanggungjawabnya terhadap ibu bapanya.

(g) Merujuk kepada situasi di atas, bagaimanakah anda dapat mengambil iktibar daripada sikap Asiah terhadap ibu bapanya?



.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

- (h) Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan syurga di bawah tapak kaki ibu.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

- (i) Media massa sering memaparkan terdapat anak yang sanggup mencederakan dan membunuh ibu bapa.
Pada pandangan anda, mengapakah hal ini terjadi?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)



TAJUK 27 : ADAB BERPIDATO

1 (a) Tulis (Y) pada ciri "Pidato Yang Baik" dan (Z) pada ciri "Pidato Yang Tidak Baik " bagi pernyataan di bawah.

- (i) Disampaikan dengan penuh keyakinan, fasih dan lancar.
- (ii) Disampaikan secara emosi.
- (iii) Menggunakan bahasa yang sopan.
- (iv) Ucapan terlalu lama atau terlalu ringkas.

(4 markah)

(b) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

| | | | | |
|-----------|---------|------------|--------------|-------|
| berhikmah | merumus | menekankan | menyampaikan | jahat |
|-----------|---------|------------|--------------|-------|

- (i) Islam _____ adab ketika berpidato kerana pidato merupakan elemen penting dalam penyebaran dakwah.
- (ii) Ciri-ciri seorang pemedato yang baik ialah _____ pidato dengan yakin, fasih dan lancar.
- (iii) Format penutup bagi sebuah pidato mestilah _____ kembali isi-isi ucapan daripada awal hingga akhir pidato.
- (iv) Seorang pemedato hendaklah menyampaikan pidato secara _____

(4 markah)

(c) Ketidakpuasan hati dalam kalangan audiens merupakan salah satu akibat tidak beradab semasa berpidato.

Jelaskan **dua** akibat yang lain.

- 1.
- 2.

(4 markah)

(d) Farah mendapat tempat pertama dalam pertandingan berpidato di peringkat sekolah. Kejayaan yang diperolehinya adalah hasil dorongan dan nasihat yang diberikan oleh jurulatihnya.

Senaraikan **empat** nasihat yang diberikan oleh jurulatihnya sehingga dia berjaya



memperolehi tempat pertama dalam pertandingan tersebut.

1.
2.
3.
4.

(4 markah)

Maksud hadis Rasulullah SAW:

”Kami (para nabi) diperintahnya untuk mengeluarkan kata-kata yang bersesuaian dengan pemikiran pendengar”.

(Riwayat al-Dailami)

- (e) Pada pandangan anda, mengapakah Islam menganjurkan cara beradab ketika berpidato kepada umatnya?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

- (f) Pada zaman millennium ini, dakwah yang berjaya perlu kepada penguasaan ilmu yang baik, namun masih terdapat sesetengah pemedato yang berhujah tanpa menggunakan sumber rujukan, hukum yang sah. Cadangkan cara anda mengatasi masalah ini.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)



BPI

MODUL PENDIDIKAN ISLAM

TINGKATAN 3 {2015}

